



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

---

**TUGASAN INDIVIDU**

---

**Tajuk:**

**JENAYAH JUVANA**

**Nama: CHUA KEK AN**

**No.Matriks: A19EC0039**

**Kursus: UHMS 1172-23 DINAMIKA MALAYSIA**

**Pensyarah: Dr.FADILAH BINTI ZAINI**

## **Kandungan**

1.0 Pendahuluan	<b>2</b>
2.0 Punca	<b>3-6</b>
3.0 Kesan	<b>7-12</b>
4.0 Langkah	<b>13-18</b>
5.0 Kesimpulan	<b>19</b>
6.0 Rujukan	<b>20</b>

## **Pendahuluan**

Mutakhir ini, kes jenayah juvana di negara Malaysia telah menunjukkan kadar peningkatan yang ketara dan semakin sukar untuk ditangani oleh pihak berkuasa di negara kita. Jenayah juvana merupakan perlakuan jenayah atau anti-sosial dalam golongan juvenil (remaja). Hal ini amat membimbangkan pelbagai lapisan masyarakat kerana generasi muda inilah yang merupakan pewaris kepimpinan negara pada masa depan dan peningkatan kes ini juga telah mengugat keselamatan penduduk-penduduk di Malaysia. Tambahan pula, jenayah juvana merupakan isu sosial yang serius dan penting kerana golongan remaja ini mampu melakukan jenayah berat seperti pembunuhan, penculikan, jenayah rogol dan sebagainya, namun mereka masih belum boleh dipertanggungjawabkan sepenuhnya. Oleh itu, pelbagai pihak seperti kerajaan, sekolah, media massa dan sebagainya haruslah menjalankan langkah-langkah yang drastik untuk menbendung masalah ini supaya masa depan remaja-remaja dapat dijamin.

## **Punca**

Jenayah juvana mempunyai beberapa punca yang menyebabkan kes ini berlaku. Jenayah juvana adalah berkaitan dengan golongan remaja, oleh itu, tidak boleh dinafikan bahawa ibu bapa adalah golongan yang dipertanggungjawabkan dengan punca berlakunya jenayah juvana. Antara punca berlakunya jenayah juvana ialah kekurangan kasih sayang daripada ibu bapa. Pada zaman moden dan materialistik ini, kedua-dua ibu bapa bekerja telah menjadi trend hari ini dan mereka sentiasa sibuk bekerja dalam mengisi tuntutan kebendaan dan kemewahan sehingga mereka mengabaikan tanggungjawab mereka untuk memberi kasih sayang kepada anak mereka dan mendidik anak-anak menjadi insan yang sempurna. Hal ini telah menyebabkan golongan remaja yang tidak mendapat kasih sayang daripada ibu bapa mereka akan sengaja melakukan kes jenayah supaya dapat menarik perhatian ibu bapa mereka. Oleh itu, ibu bapa haruslah sentiasa memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada anak mereka supaya kadar berlakunya kes jenayah juvana dapat dikurangkan. Ibu bapa juga haruslah sentiasa mengambil berat terhadap anak mereka supaya anak mereka tidak terlibat dalam aktiviti yang tidak berfaedah. Sekiranya mendapati bahawa tingkah laku anak mereka tidak normal atau mencurigakan, ibu bapa haruslah bertindak dengan pantas untuk berkomunikasi dengan anak mereka atau membawa mereka untuk mendapat nasihat daripada kaunselor supaya anak mereka tidak akan terlibat dalam gejala sosial dan melakukan jenayah juvana. Selain itu, ibu bapa yang sibuk juga tidak dapat mendidik anak mereka untuk menjadi insan yang berakhlak tinggi. Hal ini telah menyebabkan anak-anak mereka tidak dapat membezakan antara perbuatan yang betul dan perbuatan yang salah. Oleh itu, anak-anak mereka mudah dipengaruhi oleh persekitarannya dan akhirnya terlibat dalam jenayah berat seperti rogol, membunuh, menyamun dan sebagainya. Penjelasan yang diberi telah jelas membuktikan bahawa kekurangan kasih sayang daripada ibu bapa merupakan salah satu punca

berlakunya jenayah juvana. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan yang besar dalam menyelesaikan kes jenayah juvana dengan mengambil berat terhadap anak-anak mereka sepanjang masa supaya anak mereka tidak akan terlibat dalam gejala sosial.

Selain itu, pengaruh rakan sebaya juga merupakan salah satu punca berlakunya jenayah juvana. Hal ini demikian kerana dalam peringkat remaja, pengaruh rakan sebaya adalah amat kuat dan menebal dalam jiwa mereka kerana golongan remaja lebih banyak menghabiskan masa mereka dengan bergaul dengan rakan-rakannya pada zaman ini. Kebiasaannya, remaja lebih mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya mereka dan akan mengikut kata-kata atau ajakan rakan mereka untuk mencuba sesuatu yang baharu. Walaupun sebahagian besar daripada golongan remaja mengetahui bahawa perbuatan yang diajak oleh rakan sebaya mereka adalah perbuatan yang salah, namun mereka masih mengikut ajakan rakan mereka kerana ingin diterima oleh rakan sebaya mereka. Oleh itu, remaja berkenaan akan bertindak sebagaimana yang dikehendaki oleh rakan-rakan sebayanya supaya tidak dibenci oleh rakan-rakannya. Sebab itulah, remaja haruslah bijak memilih rakan supaya tidak dipengaruhi untuk melakukan gejala sosial. Remaja perlulah memilih rakan yang boleh menjadikan mereka remaja yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik, tetapi juga dari segi tingkah laku. Dalam konteks ini, ibu bapa remaja juga haruslah mengetahui keperibadian rakan-rakan anak mereka supaya remaja tidak memilih rakan yang akan mempengaruhi anak mereka untuk melakukan gejala negatif. Oleh itu, jelaslah bahawa pengaruh rakan sebaya juga menyumbang kepada berlakunya kegiatan jenayah juvana yang kian berleluasa dan para remaja haruslah bijak memilih rakan supaya dapat mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala negatif.

Tambahan pula, pengaruh media massa juga merupakan salah satu punca berlakunya jenayah dalam kalangan remaja. Tidak boleh dinafikan bahawa media massa seperti Internet,

media sosial, emel, televisyen dan sebagainya telah membawa kebaikan kepada kehidupan kita, namun begitu, media massa juga telah membawa pelbagai kesan-kesan negatif daripada kemudahan-kemudahan ini. Sebagai contohnya, golongan remaja dapat menonton video yang mempunyai unsur ganas dan lucu dengan menggunakan internet. Hal ini akan menyebabkan remaja yang menontonnya akan dipengaruhi dan mendorong mereka untuk melakukan kes jenayah seperti pembunuhan, kes rogol dan sebagainya. Di samping itu, remaja pada hari ini lebih gemar untuk menghabiskan masa mereka dengan media sosial seperti Facebook, Whatapps, Instagram dan Twitter. Penggunaan media sosial yang ketara dalam kalangan remaja telah menyebabkan media-media sosial ini mudah untuk mempengaruhi minda remaja-remaja ini. Hal ini telah menyebabkan golongan remaja mudah dipengaruhi oleh pemikiran Barat yang bersifat terbuka dan seterusnya melibatkan diri dalam gejala sosial seperti pergaulan bebas, pembuangan bayi dan sebagainya. Oleh itu, pengaruh media massa juga merupakan salah satu punca berlakunya jenayah juvana.

Di samping itu, golongan remaja yang kurang didikan dan penghayatan agama juga telah menyumbang kepada berlakunya jenayah juvana. Pendidikan agama adalah penting dalam pembentukan modal insan yang cemerlang dan berakhlak tinggi. Orang yang kekurangan didikan agama lebih mudah dipengaruhi untuk membuat perbuatan yang negatif kerana tidak mempunyai pegangan agama yang kukuh sebagai panduan dalam kehidupan mereka. Sebagai contohnya, pelbagai agama seperti Islam, Buddhisme, Taoisme, Hinduisme dan sebagainya mengharamkan pengikutnya untuk melakukan perbuatan yang berunsur negatif dan yang akan mencederakan orang lain. Selain daripada hal ini, pelbagai didikan agama yang lain juga dapat dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan mereka kerana semua didikan agama bertujuan untuk membentuk insan yang berakhlak tinggi. Oleh itu, pihak sekolah dan ibu bapa haruslah

memberikan pendidikan agama dan nilai-nilai murni kepada remaja-remaja sejak kecil lagi supaya remaja-remaja dapat menilai antara perbuatan yang baik dan buruk.

Akhir sekali, penguatkuasaan undang-undang yang kurang tegas juga telah menyebabkan golongan remaja tidak takut untuk melakukan jenayah juvana. Hal ini demikian kerana hukuman yang dikenakan kepada remaja adalah jauh lebih ringan membandingkan dengan individu berumur 18 tahun dan ke atas yang melakukan kesalahan yang sama. Sebagai contohnya, menurut laman web MyMetro, dua remaja lelaki yang berusia 19 dan 15 tahun telah didakwa di Mahkamah Majistret Temerloh terhadap pertuduhan membunuh gadis berusia 14 tahun pada 25 Oktober 2017. Remaja yang berusia 19 tahun itu boleh dikenakan hukuman mati, namun remaja yang berusia 15 tahun itu terlepas daripada hukuman berkenaan kerana masih di bawah umur dan dia hanya boleh dikenakan hukuman sebatan, denda atau ditahan di sekolah khas sahaja mengikut Seksyen 91 (1) Akta Kanak-kanak 2001. Oleh itu, remaja-remaja yang di bawah umur 18 tahun tidak akan takut untuk melakukan jenayah kerana mereka hanya dijatuhkan hukuman yang ringan terhadap jenayah yang dilakukan dan hal ini telah menyumbang kepada kadar peningkatan jenayah juvana di negara kita.

## **Kesan**

Jenayah juvana yang semakin meningkat telah memberi pelbagai kesan terhadap masyarakat, negara, keluarga remaja dan juga diri remaja tersebut. Antara impak terhadap masyarakat ialah keselamatan masyarakat tidak dapat dijamin. Kadar kes jenayah juvana berlaku yang meningkat dari sehari ke sehari telah mengugut keselamatan masyarakat dan masyarakat akan sentiasa hidup dalam ketakutan. Sebagai contohnya, masyarakat akan takut untuk keluar dari rumah sekiranya kes ragut sering berlaku di kawasan tersebut kerana risau bahawa mereka akan menjadi mangsa kepada kes jenayah tersebut. Selain itu, masyarakat juga tidak dapat menggunakan kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh kerajaan akibat berlakunya vandalisme yang dilakukan oleh remaja kerana kemudahan-kemudahan tersebut sudah tidak selamat untuk digunakan. Oleh itu, jenayah juvana bukan sahaja akan menyebabkan keselamatan masyarakat tergugat, tetapi juga membawa kesusahan terhadap masyarakat.

Justeru, jenayah juvana juga akan menyebabkan kerugian harta benda dalam kalangan masyarakat. Hal ini demikian kerana golongan remaja akan melakukan vandalisme terhadap apa-apa barangan sahaja yang boleh dicapai olehnya. Kesan daripada perlakuan ini telah menyebabkan pelbagai barangan yang boleh dicapai oleh mereka telah dimusnahkan dan menyebabkan mangsa-mangsa terpaksa menanggung kerugian. Sebagai contohnya, kenderaan yang diletakkan di luar rumah mungkin menjadi sasaran golongan remaja yang melakukan vandalisme dan terpaksa menanggung kerugian untuk membaiki kenderaan tersebut. Selain itu, dinding rumah atau pagar juga mungkin diconteng oleh mereka yang melakukan vandalisme dan penduduk rumah tersebut perlulah menanggung kerugian untuk mengecat semula dinding atau pagar yang telah diconteng. Selain daripada kes vandalisme, jenayah juvana yang lain seperti kes ragut, kecurian dan sebagainya yang dilakukan oleh golongan remaja bukan sahaja akan



menyebabkan anggota masyarakat mengalami kerugian yang besar, tetapi juga akan menggugat keselamatan mereka. Oleh itu, jenayah juvana haruslah diselesaikan secepat mungkin supaya anggota masyarakat tidak akan mengalami kerugian harta benda dan keselamatan mereka dapat dijamin.

Seperti yang dikatakan oleh orang ramai bahawa golongan remaja merupakan bakal pemimpin pada masa depan. Oleh itu, jenayah juvana yang melibatkan golongan remaja pasti akan memberi impak kepada negara kita. Antara kesan jenayah juvana terhadap negara kita ialah negara kita akan kehilangan pewaris negara yang berkaliber. Pihak kerajaan amat mengutamakan peranan yang dimainkan oleh golongan remaja dalam pembangunan negara. Bagi membangunkan modal insan yang berkualiti dalam golongan remaja, pihak kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha supaya dapat melahirkan modal insan remaja yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi, intelek dan sosial. Sebagai contohnya, pihak kerajaan telah melancarkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan remaja supaya dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Namun begitu, kadar jenayah juvana yang semakin meningkat bukan sahaja telah menggagalkan usaha pihak kerajaan untuk melahirkan modal insan yang cemerlang, tetapi juga akan kehilangan pewaris negara yang berkaliber. Hal ini demikian kerana sekiranya lebih banyak remaja yang terlibat dalam kes jenayah, maka golongan remaja yang berpotensi untuk menjadi pemimpin pada masa depan mungkin akan dipengaruhi dan terlibat dalam kes jenayah. Hal ini akan menyebabkan negara kehilangan pemimpin yang berkaliber pada masa depan. Bak kata pepatah, pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara, remaja merupakan aset negara yang amat berharga dan juga penentu masa depan sesebuah negara. Oleh itu, pelbagai pihak haruslah

bekerjasama untuk menyelesaikan masalah ini supaya dapat melahirkan pewaris negara pada masa depan yang cemerlang dan berkaliber dalam pelbagai aspek.

Tambahan pula, jenayah juvana yang meningkat di negara kita juga akan menjejaskan sektor pelancong di negara kita dan mencemarkan nama baik negara kita. Sekiranya jenayah juvana semakin meningkat di negara kita, orang asing akan berpendapat bahawa kerajaan Malaysia tidak berkebolehan untuk membendung masalah yang berlaku di negara kita. Hal ini akan menghapuskan tanggapan baik mereka terhadap Malaysia dan mereka akan menganggap Malaysia hanya indah khabar dari rupa. Meskipun pelancong dari seluruh dunia tertarik dengan kebudayaan yang unik dan kecantikan alam semula jadi di negara kita seperti Tanah Tinggi Genting, Gua Mulu, Gunung Kinabalu, Tanah Tinggi Cameron dan sebagainya, tetapi mereka masih teragak-agak untuk membuat keputusan melancong ke Malaysia kerana keadaan di Malaysia yang akan mengugut keselamatan diri mereka. Natiyahnya, orang asing akan takut untuk melancong ke Malaysia kerana membimbang terhadap keselamatan mereka semasa melancong di Malaysia. Sebagai contohnya, menurut Ketua Penolong Pengarah Kepolisian Komuniti Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman, Datuk Dr Mustafa Khan Abdul Samat, terdapat sebanyak 1440 kes jenayah yang membabitkan pelbagai kesalahan oleh pelajar sekolah direkodkan di seluruh negara pada tahun 2017, meningkat berbanding 1302 kes pada tahun 2016. Kes berkenaan meliputi jenayah bunuh, rogol, kecurian, ragut, mendatangkan kecederaan dan pecah rumah. Oleh itu, bilangan kes jenayah juvana yang banyak di Malaysia tentu akan menakutkan pelancong. Industri pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan juga telah menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih daripada 28 juta orang rakyat Malaysia. Oleh itu,

jenayah juvana haruslah diselesaikan secepat mungkin kerana industri pelancongan adalah penting dalam pembangunan negara kita.

Seterusnya, peningkatan jenayah juvana di negara kita juga akan menjejaskan pembangunan negara kita. Hal ini demikian kerana sekiranya jenayah juvana di negara kita tidak dapat dibendung, para pelabur akan hilang keyakinan terhadap negara kita. Kesannya ialah Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan Pelaburan Langsung Domestik (DDI) akan berkurangan kerana para pelabur akan berpendapat bahawa risiko untuk melabur di Malaysia adalah lebih banyak daripada keuntungan yang didatangkan. Oleh itu, pembangunan dan produktiviti negara akan dijejaskan kerana kekurangan pelaburan asing sebagai modal untuk menjalankan projek pembangunan yang memerlukan kos yang tinggi. Selain itu, jenayah juvana yang berleluasa di negara kita turut akan menjejaskan hubungan diplomatik negara kita dengan negara lain seperti Brunei, Thailand, Singapura dan sebagainya kerana kurang kepercayaan mereka terhadap negara kita. Kesannya ialah negara kita akan menghadapi kesukaran semasa mengimport dan mengeksport barangan ke negara-negara lain dan pendapatan negara akan berkurangan. Tambahan pula, industri pelancongan di negara kita juga akan dijejaskan sekiranya jenayah juvana terus berkembang di negara kita. Hal ini akan menyebabkan pihak kerajaan kekurangan modal untuk melakukan projek pembangunan negara kerana industri pelancongan merupakan salah satu pendapatan utama di negara kita. Oleh itu, usaha yang konsisten perlu dijalankan oleh pelbagai pihak untuk membanteras kes jenayah juvana supaya negara kita akan menjadi maju, aman dan damai.

Sekiranya remaja tersebut melakukan kes jenayah, semestinya akan memberikan kesan-kesan negatif terhadap diri mereka sendiri. Antara kesan jenayah juvana terhadap diri remaja ialah masa depan mereka akan hancur. Hal ini demikian kerana golongan remaja yang

melakukan jenayah akan direkodkan kesalahannya selepas ditangkap oleh pihak polis. Natijahnya, mereka akan sukar untuk mendapat pekerjaan ataupun pinjaman yang dimohon kerana pihak majikan dan pihak bank tidak akan mempercayai golongan yang telah melakukan kes jenayah. Oleh itu, mereka tidak dapat mencari pekerjaan mahupun meminjam wang untuk meneruskan kehidupan mereka. Hal ini akan mendorong mereka terus melakukan kes jenayah seperti ragut, kecurian dan pengedaran dadah untuk mendapatkan wang lumayan dalam masa yang singkat supaya dapat meneruskan kehidupan mereka. Oleh itu, mereka hanya boleh melakukan kes jenayah untuk meneruskan kehidupannya dan dikejar oleh pihak polis sepanjang hayatnya. Selain itu, kebanyakan orang yang ditangkap juga tidak mempunyai kemahiran-kemahiran yang boleh membantu mereka untuk mengaut wang kerana mereka telah membazirkan masa mereka dalam melakukan jenayah yang tidak berfaedah terhadap diri mereka. Pihak polis telah mengetahui masalah ini dan telah memberi latihan kepada mereka yang kesal dengan perbuatannya di penjara supaya dapat membantu mereka meneruskan kehidupan selepas dilepaskan dari penjara. Sebagai contohnya, penghuni penjara telah diberi latihan untuk menghasilkan kraftangan dengan menggunakan rotan dan buluh supaya mereka mempunyai kemahiran untuk meneruskan kehidupan selepas dilepaskan dari penjara. Oleh itu, remaja haruslah mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala yang negatif dengan mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah supaya masa depan mereka dapat dijamin.

Akhir sekali, kesan jenayah juvana terhadap diri remaja ialah golongan remaja yang melakukan jenayah akan dipandang rendah oleh masyarakat. Hal ini demikian kerana masyarakat akan berpandangan bahawa mereka yang melakukan jenayah tidak akan berjaya dalam kehidupannya dan golongan yang hanya timbul masalah tanpa membuat sebarang sumbangan kepada masyarakat. Nama baik keluarga mereka juga akan terjejas kerana masyarakat akan

menyalahkan keluarganya bagi kesalahan tentang ketidakmampuan untuk mendidik anak-anaknya menjadi individu yang dihormati. Oleh itu, golongan remaja haruslah berkelakuan baik dan mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala negatif supaya dihormati oleh masyarakat.

## **Langkah**

Bagi membanteras jenayah juvana, pelbagai pihak seperti pihak kerajaan, sekolah, ibu bapa, media massa dan sebagainya haruslah bekerjasama bagai aur dengan tebing kerana masalah ini telah menimbul banyak kesan negatif terhadap negara, masyarakat dan juga individu tersebut sendiri. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mencegah masalah jenayah juvana kerana mereka merupakan orang yang paling rapat dengan anak mereka. Oleh itu, ibu bapa perlu menjalankan usaha supaya masalah ini dapat dibendung. Langkah paling utama dan efisien yang boleh dijalankan oleh ibu bapa untuk mengatasi jenayah juvana ialah ibu bapa haruslah memberikan kasih sayang dan perhatian yang secukupnya kepada anak-anak mereka, terutamanya anak yang masih di bangku sekolah lagi. Hal ini demikian kerana kekurangan kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa akan menyebabkan anak-anak mudah memberontak dan akan melakukan jenayah supaya mendapat perhatian ibu bapa mereka. Oleh itu, ibu bapa haruslah sentiasa mengambil berat terhadap anak mereka supaya anak mereka tidak akan terlibat dalam gejala negatif. Ibu bapa juga harus mengawasi penggunaan internet anak mereka supaya anak mereka tidak melayari laman web yang berunsur ganas dan lucu. Hal ini dapat mengelakkan anak mereka dipengaruhi dengan pemikiran yang negatif dalam internet dan mendorong mereka melakukan kes jenayah. Sekiranya mendapati bahawa anak terlibat dalam aktiviti yang mencurigakan, ibu bapa haruslah memberikan nasihat kepada anak mereka secepat mungkin supaya dapat mengelakkan anak mereka daripada terlibat dalam kes jenayah. Ibu bapa juga boleh membawa anak mereka untuk menerima nasihat daripada kaunselor atau menerima rawatan psikoterapi bagi keadaan yang serius supaya anak mereka tidak akan terlibat dalam gejala negatif. Selain itu, ibu bapa juga haruslah memberikan didikan agama dan menerapkan nilai-nilai murni dalam jiwa anak-anak sejak kecil lagi supaya mereka tidak akan melakukan

jenayah yang akan mencederakan orang lain. Hal ini demikian kerana pegang agama yang kukuh dalam anak akan mengelakkan mereka daripada melakukan aktiviti yang diharamkan dalam sisi agama. Pendidikan agama dan penerapan nilai-nilai murni dalam jiwa anak-anak juga dapat menjadikan mereka sebagai seorang insan yang berakhlak tinggi dan dapat membezakan antara perbuatan yang betul dan perbuatan yang salah. Oleh itu, remaja yang mempunyai pegangan agama yang kukuh akan sentiasa berfikir tentang setiap perbuatan yang dilakukan sama ada salah atau betul dan akan mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala negatif. Sebagai rumusan, ibu bapa haruslah mengelakkan diri daripada sibuk bekerja supaya dapat memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada anak mereka dan memberi didikan agama kepada anak mereka supaya anak mereka tidak akan melakukan kes jenayah.

Tambahan pula, langkah-langkah juga perlu dijalankan oleh pihak sekolah untuk membendung masalah ini. Antara langkah yang boleh dijalankan oleh pihak sekolah ialah pihak sekolah haruslah mengadakan kempen-kempen tentang keburukan melakukan jenayah. Hal ini dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan remaja tentang keburukan melakukan jenayah dan mereka akan mengelakkan diri daripada melakukan kes jenayah. Kempen-kempen sedemikian haruslah dianjurkan terutamanya di sekolah rendah lagi supaya para pelajar diberi pendedahan awal tentang kes-kes jenayah. Pendedahan awal terhadap kes-kes jenayah adalah penting kerana para pelajar akan berasa takut untuk melakukan jenayah selepas menghadiri kempen-kempen kesedaran yang dianjurkan di sekolah. Oleh itu, kempen kesedaran tentang kes jenayah haruslah diadakan di setiap sekolah supaya para pelajar akan menyedari keburukan kes jenayah dan seterusnya akan mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala negatif. Selain itu, pihak sekolah juga boleh menggalakkan penubuhan kelab bersifat anti-jenayah dalam kalangan pelajar sebagai langkah untuk mencegah jenayah juvana. Kelab-kelab seperti ini dapat

mendedahkan keburukan melakukan jenayah dalam kalangan pelajar dengan mengadakan program seperti menjemput pihak polis untuk memberi ucapan terhadap keburukan kes jenayah. Dalam process menganjur program-program yang berkaitan dengan anti-jenayah, ahli-ahli kelab juga dapat memperolehi pelbagai kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran memimpin dan sebagainya. Melalui langkah ini, para pelajar juga boleh mengisi masa lapang mereka dengan menghadiri program yang dianjurkan oleh kelab-kelab anti-jenayah ini dan dapat mengelakkan mereka daripada menghabiskan masa dalam aktiviti yang tidak berfaedah. Oleh itu, pihak sekolah adalah berperanan dalam usaha membendung jenayah juvana dengan mengadakan kempen-kempen kesedaran dan menggalakkan penubuhan kelab-kelab bersifat anti-jenayah.

Di samping itu, remaja sendiri haruslah bijak semasa memilih rakan sebaya supaya dapat mengelakkan diri daripada dipengaruhi oleh rakan untuk melakukan jenayah. Golongan remaja haruslah berhati-hati semasa memilih kawan supaya tidak bergaul dengan orang yang akan menjadikan mereka individu yang dibenci oleh masyarakat. Sebagai contohnya, kita haruslah menjauhi rakan yang selalu mengajak kita untuk melakukan gejala negatif seperti vandalisme, merokok, menghisap dadah dan sebagainya supaya kita dapat mengelakkan diri daripada terlibat dalam kes jenayah. Oleh itu, golongan remaja haruslah bijak memilih rakan sebaya yang boleh membimbing mereka ke arah kejayaan dan menjauhi rakan yang akan memusnahkan masa depan mereka. Seterusnya, golongan remaja juga perlu menghadiri pelbagai kempen kesedaran yang berkaitan dengan anti-jenayah supaya mereka sentiasa disedari tentang keburukan melakukan jenayah. Hal ini akan menyebabkan mereka takut untuk melakukan jenayah kerana mengetahui hukuman tegas yang dikenakan ke atas mereka sekiranya mereka terlibat dalam kes jenayah. Oleh itu, golongan remaja haruslah bijak memilih kawan dan juga melibatkan diri dalam kempen-kempen kesedaran dengan aktif supaya jenayah juvana di negara kita dapat diselesaikan.



Selepas itu, langkah-langkah membanteras jenayah juvana juga perlu dijalankan oleh pihak media massa. Media massa haruslah menyiarkan maklumat tentang keburukan melakukan jenayah supaya semua remaja menyedari tentang keburukannya dan mengelakkan diri melakukan aktiviti jenayah. Sebagai contohnya, media massa seperti televisyen, radio dan sebagainya boleh memapar dan menyebarkan kempen-kempen kesedaran yang berkaitan dengan keburukan melakukan jenayah. Selain itu, media massa juga berperanan untuk menangani gejala jenayah dalam kalangan remaja dengan membantu pihak berkuasa menjejaki suspek jenayah. Media massa boleh menyebarkan maklumat tentang suspek yang telah melakukan jenayah supaya masyarakat boleh memberi bantuan untuk menjejaki suspek jenayah. Hal ini dapat membantu pihak berkuasa untuk menangkap suspek tersebut dalam masa yang singkat supaya suspek tidak dapat melarikan diri. Oleh itu, media massa memegang peranan penting dalam membendung jenayah juvana dengan meningkatkan kesedaran golongan remaja dan membantu pihak berkuasa menjejaki suspek jenayah.

Tambahan pula, pihak masyarakat juga boleh membantu untuk menyelesaikan jenayah juvana dengan melaporkan kes jenayah kepada pihak berkuasa secepat mungkin sekiranya mengesan sebarang kes jenayah yang berlaku. Sebagai contohnya, masyarakat haruslah menghubungi pihak polis sekiranya mengesan gejala jenayah juvana supaya pihak polis dapat menahan remaja-remaja yang melakukan jenayah tersebut. Kerjasama antara masyarakat dengan pihak polis amat penting dan diperlukan supaya penjenayah dapat ditangkap dan diberikan hukuman yang setampal dengan jenayah yang dilakukannya. Oleh itu, masyarakat haruslah melaksanakan tanggungjawabnya untuk mencegah jenayah juvana dengan melaporkan kes jenayah yang berlaku supaya kesejahteraan hidup rakyat dapat dijamin.

Seterusnya, pihak polis juga memainkan peranan yang penting dalam usaha menangani jenayah juvana. Langkah yang harus dilakukan oleh pihak polis ialah menghantar pasukan untuk meronda di kawasan yang mungkin ada aktiviti jenayah. Hal ini dapat mengurangkan kes jenayah yang berlaku dalam masa yang singkat dan juga menyebabkan orang lain takut untuk melakukan gejala jenayah di kawasan tersebut. Oleh itu, pasukan peronda haruslah dihantar oleh pihak polis supaya keamanan masyarakat dapat dijamin dan membendung jenayah juvana.

Akhir sekali, pihak kerajaan memainkan peranan yang amat penting dalam usaha menyelesaikan jenayah juvana. Antara langkah pihak kerajaan untuk mencegah jenayah juvana ialah pengenalan semula mata pelajaran Pendidikan Moral (PM) dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) dalam pendidikan di sekolah. Langkah ini adalah diperlukan kerana matapelajaran PM dan PSK dapat membentuk keperibadian para remaja yang mulia dan juga menerapkan nilai-nilai murni dalam jiwa setiap remaja supaya para remaja akan menjauhkan diri daripada terlibat dalam gejala jenayah. Sebagai contohnya, melalui pengenalan semula mata pelajaran ini, seseorang individu dapat memupuk pelbagai nilai-nilai murni seperti rasional, hemah tinggi, baik hati dan toleransi dan akan menyelesaikan masalah yang dihadapi secara rasional dan tanpa unsur-unsur keganasan. Oleh itu, melalui mata pelajaran PM dan PSK, golongan remaja yang berakhlak tinggi dapat dilahirkan dan seterusnya jenayah juvana dapat dibendung. Selain itu, pihak kerajaan juga haruslah mengharamkan laman web yang berunsur ganas dan lucuh sebagai langkah untuk membanteras jenayah juvana. Hal ini dapat mengelakkan golongan remaja daripada melayari laman web sebegitu dan dipengaruhi dengan pemikiran yang berunsur ganas dan lucuh. Sebagai contohnya, sekatan terhadap 4318 laman pornografi telah dilaksanakan sejak tahun 2015 hingga Oktober 2018 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Oleh itu, pihak kerajaan telah mengharamkan laman web yang

berunsur ganas dan lucah supaya golongan remaja tidak akan dipengaruhi untuk menjadi individu yang ganas yang lucah dan melakukan gejala jenayah.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, menerusi tugas ini, saya berharap semua pihak dapat memandang serius terhadap masalah peningkatan jenayah juvana supaya jenayah juvana dapat dibendung secepat mungkin kerana golongan remaja merupakan pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan. Sebagai rumusan tugas ini, jenayah juvana merupakan jenayah yang dilakukan oleh golongan remaja yang berumur kurang daripada 18 tahun. Punca-punca yang mencetus jenayah juvana berlaku ialah ibu bapa yang tidak bertanggungjawab, pengaruh rakan sebaya, bahan-bahan ganas dan lucah daripada media massa, kurang penghayatan agama dan hukuman yang kurang tegas dijatuhkan kepada remaja yang melakukan jenayah. Selain itu, jenayah juvana juga memberi kesan negatif terhadap masyarakat, keluarga remaja, negara dan diri remaja itu sendiri. Pelbagai pihak juga memainkan peranan yang penting dalam usaha membanteras jenayah juvana. Antara pihak-pihak yang berperanan untuk membendung jenayah juvana ialah pihak ibu bapa, pihak sekolah, pihak media massa, pihak masyarakat, pihak kerajaan dan individu remaja itu sendiri. Oleh itu, semua pihak haruslah bekerjasama bagai aur dengan tebing untuk menyelesaikan jenayah juvana supaya keamanan negara dan masa depan remaja dapat dijamin.

## **Rujukan**

1. Mengatasi kegiatan jenayah di kalangan remaja

[https://bku.upm.edu.my/artikel/mengatasi\\_kegiatan\\_jenayah\\_di\\_kalangan\\_remaja-43897](https://bku.upm.edu.my/artikel/mengatasi_kegiatan_jenayah_di_kalangan_remaja-43897)

2. 4318 laman lucah disekat – MyMetro

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/11/396265/4318-laman-lucah-disekat>

3. Punca-punca berlakunya jenayah juvana – Scribd

<https://www.scribd.com/document/347575097/Punca-punca-Berlakunya-Jenayah-Juvana>

4. Faktor-faktor kejadian jenayah dalam kalangan remaja

<http://mpw2043syariahkias.blogspot.com/2017/02/faktor-faktor-kejadian-jenayah-dalam.html>

5. Jenayah di kalangan remaja

<http://stpm-study.blogspot.com/2013/12/jenayah-di-kalangan-remaja.html>

6. Kesan-kesan yang timbul daripada masalah juvenile

<http://pbkarya.blogspot.com/p/trial-bm.html>